

KEJAYAAN TN50 PERLUKAN ASPIRASI, PANDANGAN BELIA

NSJ 25.2.2017 4
OLEH MARRYAN RAZAN
(marrayan@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Generasi muda negeri Sabah perlu melibatkan diri secara aktif dengan menyumbang idea dan aspirasi dalam Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman percaya para belia tempatan juga mempunyai idea yang hebat untuk menjayakan TN50.

“Melalui program-program yang diadakan, saya optimis bahawa kita akan dapat mengenalpasti kehendak, kecenderungan dan keperluan golongan muda khususnya para belia di peringkat akar umbi di negeri ini.

“Saya yakin para belia di negeri ini mempunyai bakat dan potensi besar serta keupayaan dan jati diri yang unggul untuk sama-sama menyumbang secara signifikan seterusnya menjayakan TN50.

“Manfaatkan sepenuhnya ruang dan peluang yang disediakan kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan dengan melakar kreativiti, mencipta transformasi, mencurahkan impian dan harapan mengenai acuan dan halatuju masa depan yang terbaik untuk rakyat dan negara pada 2050,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) Peringkat Negeri Sabah, di Dewan Kuliah Pusat ke-2, Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, kelmarin.

Dialog TN50 disampaikan Menteri Belia dan Sukan Malaysia Khairy Jamaluddin. Turut hadir Menteri Belia dan Sukan Sabah Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan.

Musa berkata kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak mengambil langkah proaktif dengan menyediakan landasan untuk para belia sebagai generasi 30 tahun akan datang agar berkongsi pandangan dan aspirasi demi men-

jayakan TN50.

“Setinggi penghargaan kepada Perdana Menteri kerana mengilhamkan TN50. Inisiatif ini tepat pada masanya dan jelas membuktikan ketelusan polisi Perdana Menteri yang sentiasa mendengar suara dan aspirasi golongan muda dalam membuat polisi, merancang masa depan, mentadbir dan mengurus negara pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata, bagi memastikan generasi akan datang terus menikmati khazanah warisan semulajadi, kerajaan telah mewartakan sebanyak 53 peratus atau 3.9 juta hektar tanah negeri sebagai Rizab Hutan, Kawasan Perlindungan dan Konservasi Hidupan Liar.

“Seluas 1.3 juta hektar atau 20 peratus daripada keluasan tanah negeri sebagai Kawasan Perlindungan Sepenuhnya (TPA’s) melebihi standard antarabangsa sebanyak 10 peratus dan menetapkan sasaran sebanyak 30 peratus dalam tempoh 10 tahun akan datang.

“Kita juga telah menanam semula hampir 1 juta hektar kawasan hutan dengan pelbagai sepsis pokok dan mewartakan kawasan Ulu Segama-Malua sebagai kawasan perlindungan habitat Orang Utan, yang merupakan kawasan seumpamanya terbesar di dunia dan menjadi model kepada Unesco,” katanya.

Musa berkata semua yang diusahakan kerajaan pada hari ini akan membuahkan hasil dalam tempoh 10 atau 30 tahun akan datang.

“Ini bermakna, generasi muda hari ini adalah generasi penerus kesinambungan pembangunan ini yang akan menikmati manfaatnya. Beginilah pentingnya perancangan pemimpin dan kerajaan pada hari ini dalam melaksanakan agenda pembangunan dan merangka persiapan untuk negara melangka ke fasa kemajuan yang lebih mencabar menjelang tahun 2050,” katanya.

Musa berkata, Sabah dipilih sebagai perintis untuk program jelajah TN50 kerana negeri ini meyumbang sebanyak 13 peratus daripada



BERSAMA PESERTA...Musa, Khairy dan Tawfiq bergambar bersama sebahagian para peserta dialog itu.

jumlah keseluruhan belia negara.

Di samping itu katanya, Sabah mempunyai banyak potensi dan kelebihan yang boleh diterokai dan dimanfaatkan untuk menjayakan fasa kemajuan negara menerusi TN50, antaranya modal insan yang berkualiti serta kekayaan dan keunikan khazanah alam semula jadi.

“Kita juga mendokong ‘Kesatuan Dalam Kepelbagaian’ yang diterjemahkan menerusi keharmonian beragama dan semangat perpaduan rakyat berbilang suku kaum, agama dan budaya,” katanya.

Beliau berkata dalam memacu kemajuan

negeri, agenda pembangunan dan pemeraksanaan belia terus menjadi keutamaan kerajaan dengan menyalurkan peruntukan tahunan yang besar untuk belia.

“Sebagai kerajaan yang pro belia kita juga akan terus memberi kepercayaan dan mengupayakan belia menerusi persatuan, gabungan dan kelab di peringkat akar umbi.

“Selain itu kerajaan juga merangka dan melaksanakan program sesuai dengan cerminan citarasa dan aspirasi belia masa kini, yang akan mencorakkan masa depan negara dalam fasa pembangunan yang seterusnya menerusi TN50,” katanya.